



MOHAMAD HASAN (tengah) bersama Othman Mohamad (sembilan dari kiri), Kamal Amran Kamaruddin (tujuh dari kiri) dan Muhammad Fuad Kamaludin (japan dari kiri) serta pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dalam Program Pelepasan Konvoi Ziarah Sahur IPT 2015 dekat Kediaman Rasmi Menteri Besar di Seremban, semalam. - UTUSAN/ABD. RAZAK AID

Program Ziarah Sahur IPT 2015

Usaha murni satukan mahasiswa

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**
 pengarang@utusan.com.my

■ SEREMBAN 9 JULAI

PROGRAM Ziarah Sahur Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2015 anjuran akhbar *Utusan Malaysia*, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Pertubuhan Mahasiswa Negeri Sembilan (Manis) merupakan satu inisiatif yang baik dalam menyatukan mahasiswa di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, banyak nilai murni dapat diterap melalui program sedemikian, yang bukan sahaja berkonsepkan bersahur semata-mata tetapi turut disampaikan perkara ilmu berkaitan kemuliaan bulan Ramadan ini.

"Saya amat berbesar hati dapat bersama-sama dalam program ini dan melepaskan peserta konvoi Ziarah Sahur IPT 2015.

"Itu ialah satu inisiatif yang amat baik menggabungkan tiga agensi, akhbar *Utusan Malaysia*, MAINS dan Manis serta disokong oleh beberapa IPT termasuklah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seremban 3, Politeknik Port Dickson, Kolej Uniti dan Institut Latihan Perindustrian Padas (ILP).

"Saya berbangga dengan penglibatan agensi sokongan seperti Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains), Yayasan Negeri Sembilan, Parlimen Belia Negeri Sembilan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Belia Negeri Sembilan, yang turut bersama mendekati mahasiswa dalam program murni ini," katanya sebelum melepaskan peserta konvoi Ziarah Sahur IPT 2015 dekat kediaman rasmi beliau awal pagi tadi.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Othman Mohamad; Pengurus Besar Pemasaran dan Pendedaran Utusan Melayu (M) Berhad, Rosman Zulkifli; Setiausaha MAINS, Kamal Amran Kamaruddin dan Ahli MAINS yang juga Ahli Majlis Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Muhammad Fuad Kamaludin.

Selain itu turut sama Penolong Rektor UiTM Kampus Seremban, Prof. Madya Mohammad Nor Othman; Pegawai Khas Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, Marwan Tahir; Presiden Manis, Anwar Muttaqin; Ketua Biro *Utusan Malaysia* Negeri Sembilan, Ainol Amriz Ismail serta wakil Politeknik Port Dickson, Kolej Uniti, Yayasan Negeri Sembilan, Sains dan ILP.

Program itu turut dibantu anggota trafik Ibu Pejabat Polis Daerah

(IPD) Seremban serta kerjasama pengurusan Masjid Negeri di sini.

Kata Mohamad, amat wajar selaku rakyat di negara ini mensyukuri nikmat berada dalam keadaan aman sehingga dapat melakukan aktiviti sebegini dengan tenang.

Dalam majlis ringkas itu Mohamad menambah, program itu akan memberi banyak manfaat kepada peserta dalam konteks pengajuran aktiviti berskala besar, selain dapat mengenali mahasiswa di IPT yang dikunjungi dengan lebih mesra.

Program itu melibatkan lebih 80 peserta yang singgah di lima IPT sebelum acara penutupnya dilakukan di USIM, Nilai.

Sementara itu Othman dalam ucapan di Politeknik Port Dickson berkata, usaha yang dilakukan *Utusan Malaysia* dalam program tahun kedua ini di Negeri Sembilan adalah untuk mengukuhkan hubungan mahasiswa dengan akhbar perdana ini.

"Fokus kali ni adalah mahasiswa selepas tahun lalu melibatkan program ziarah sahur dengan agensi kerajaan. Kita membawa mesej mengakrabkan lagi hubungan yang telah lama dibina serta mendekati mereka, sesuai dengan peranan akhbar ini sebagai rakan strategik pendidikan negara," katanya.

Othman berharap program yang baik itu serta dengan sokongan Menteri Besar dapat diteruskan dalam hal memperkasakan pendidikan peringkat negeri dan negara melalui kepelbagaian aktiviti sebagaimana berjayanya program Ziarah Sahur IPT 2015 ini.

Dalam pada itu di UiTM Seremban 3, Mohammad Nor berkata, kampus itu amat menghargai usaha yang dilakukan secara bersama tiga agensi berkenaan dan itu satu pengiktirafan terhadap warga kampus.

"Ini adalah program yang dinantikan mahasiswa di UiTM Seremban 3 dan memilih kampus ini dalam salah satu hentian ziarah sahur amat dihargai.

"Itu petanda bahawa penyatuan warga kampus boleh dilakukan dalam aktiviti bersepadu, apatah lagi dalam hal berkaitan syiar Islam seperti program bersahur yang dilangsungkan dalam bulan Ramadan al Mubarak ini," tegasnya.

Sebanyak 1,500 bungkus makanan telah diedar bermula pukul 12.01 tengah malam tadi di UiTM Seremban 3, Politeknik Port Dickson, Kolej Uniti dan ILP Padas (Rembau) sebelum konvoi singgah bersahur secara bersama dengan pelajar anak Negeri Sembilan yang memasuki program Tamhidi USIM di Nilai.